

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR

DOKUMEN SEBUT HARGA

TAJUK SEBUT HARGA:

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMBINA PAGAR
PERIMETER, JALAN LADANG DAN KERJA-KERJA
BERKAITAN DI TAMAN KEKAL PENGELUARAN
MAKANAN (TKPM) BETING KEPAH, DAERAH SABAK
BERNAM, TAHUN 2024.**

NO. SEBUT HARGA: JPVSEL/SH/09/2024

TARIKH BUKA : 29 OGOS 2024 (KHAMIS)
TARIKH LAWATAN TAPAK : 04 SEPTEMBER 2024 (RABU)
TARIKH TUTUP : 12 SEPTEMBER 2024 (KHAMIS)

KANDUNGAN

Dokumen Sebut Harga ini mengandungi perkara-perkara berikut:

BIL	PERKARA
1.	Notis Sebut Harga
2.	Lampiran Q
3.	Senarai Semak
4.	Arahan Kepada Penyebut Harga
5.	Syarat-Syarat Sebut Harga Untuk Kerja
6.	Borang Sebut Harga
7.	Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal dan Ringkasan Sebut Harga (Kuantiti)
8.	Ringkasan Sebut Harga (Pukal)
9.	Borang Maklumat Latar Belakang Syarikat
10.	Borang Data-Data Kewangan
11.	Senarai Bekalan /Perkhidmatan yang Sedang Dilaksanakan
12.	Senarai Bekalan /Perkhidmatan yang Telah Dilaksanakan
13.	Surat Akuan Pembida
14.	Contoh Surat Perwakilan Kuasa




NOTIS SEBUT HARGA

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR

NO. SEBUT HARGA: JPVSEL/SH/09/2024

SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMBINA PAGAR PERIMETER, JALAN LADANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) BETING KEPAH, DAERAH SABAK BERNAM, TAHUN 2024

- Sebut harga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan mempunyai;
 - Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dalam **Gred G1, Kategori CE**, Pengkhususan:
 - CE01 – Kerja-kerja Pembinaan Jalan dan Pavmen; DAN**
 - CE21 – Pembinaan Kejuruteraan**
 - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
 - Sijil Taraf Bumiputera (STB)
 - Terbuka kepada Syarikat yang berdaftar di **Daerah Sabak Bernam** sahaja.
 - Mempunyai Sijil Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - Syarikat hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
 - Dikehendaki mematuhi Senarai Semak (Lampiran A)
- Dokumen sebut harga akan dipamerkan mulai **29 Ogos 2024 (Khamis)** dan boleh dimuat turun selepas lawatan tapak mulai **04 September 2024 (Rabu)** dilaman sesawang <http://tender.selangor.my>. Dokumen yang dimuat turun hendaklah dibukukan/ didokumentasikan.
- Dokumen sebut harga dijual dengan harga **RM10.00**. Pembayaran boleh dibuat secara **atas talian** di laman sesawang <http://tender.selangor.my>. Resit bayaran wajib disertakan dalam penghantaran dokumen sebut harga sebagai bukti pembelian. Bayaran dokumen tidak akan dikembalikan.
- Pemeriksaan Kawasan Perkhidmatan (Lawat Tapak) akan diadakan pada **04 September 2024 (Rabu)** bertempat di **Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Beting Kepah, Lot 29023, Jalan Beting Kepah, Kg. Sungai Apong, 45400 Sungai Ayer Tawar, Daerah Sabak Bernam** jam **10.00 pagi**. Lawat Tapak adalah disyaratkan sebagai wajib bagi kontraktor yang ingin menyertai sebut harga. **Syarat penting bagi sesi Lawat Tapak kontraktor hendaklah berpengalaman dalam kerja-kerja berkaitan serta hanya penama dalam Lesen PKK, CIDB, SPKK dan UPEN yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakili pegawai lain serta perlu membawa salinan dokumen seperti diatas, Kad Pengenalan, COP SYARIKAT dan Salinan Pendaftaran Syarikat (SSM) bagi urusan pendaftaran.**
- Dokumen Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dimeterai dengan rapi dan ditandakan dengan betul seperti tajuk di atas, pada penjuru atas kiri juga ditandakan: **“No. Sebut Harga: JPVSEL/SH/09/2024”** dan dokumen tersebut hendaklah dimasukkan melalui serahan tangan atau menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier ke dalam Peti Sebut harga di **Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor, Tingkat 1, Bahagian Khidmat Pengurusan, Lot 28, Jalan Utas 15/7, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor**. Sebut harga ini akan **DITUTUP** pada **12 September 2024 (Khamis)** sebelum jam **12.00** tengahari.
- Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas dokumen sebut harga yang dihantar melalui kiriman pos sekiranya berlaku sebarang kelewatan, kehilangan atau lain-lain lagi.


(
Jawatan : **DR. HASSUZANA BINTI KHALIL s.m.s.**
Tarikh : **NO. M/C: 395**
PENGARAH
PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN



2 8 AUG 2024

LAMPIRAN Q (ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini.

No. Sebut Harga : JPVSEL/SH/09/2024

(Kew. 284. Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA NEGERI SELANGOR

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat):

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Jabatan:

**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor,
Lot 28, Jalan Utas 15/7, Seksyen 15,
40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.**

No. Telefon :

No. Telefon : **03-55103900**

Email :

Tarikh :

Kontraktor :

CIDB – Gred G1, Kategori – CE

Pengkhususan :

**CE01 – Kerja-kerja Pembinaan Jalan dan Pavmen; DAN
CE21 – Pembinaan Kejuruteraan**

1. Sila beri sebut harga untuk kerja yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

- 1.1 Perihal Sebut Harga : **SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMBINA PAGAR PERIMETER, JALAN LADANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) BETING KEPAH, DAERAH SABAK BERNAM, TAHUN 2024.**
- 1.1 Syarat Penyerahan/ Penyempurnaan : **Sila rujuk dokumen jualan.**
- 1.2 Tarikh Penyerahan/ Penyempurnaan dikehendaki : **Sila rujuk dokumen jualan.**
- 1.3 Arahan Pengiriman: **Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor, Tingkat 1 Bahagian Khidmat Pengurusan, Lot 28, Jalan Utas 15/7, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.**
- 1.4 Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga: **“No. Sebut Harga: JPVSEL/SH/09/2024”**
- 1.5 Lawatan tapak / Taklimat pada: **04 September 2024 (Rabu) jam 10.00 pagi di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Beting Kepah, Lot 29023, Jalan Beting Kepah, Kg. Sungai Apong, 45400 Sungai Ayer Tawar, Daerah Sabak Bernam.**
- 1.6 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam **12.00 tengah hari pada 12 September 2024 (Khamis).**
- 1.7 Tempoh sahlaku sebut harga hendaklah **90 hari selepas tarikh tutup – 11 Disember 2024.**

Tarikh : **28 AUG 2024**

Tandatangan :



Nama Pegawai :

DR. HASSUZANA BINTI KHALIL

Jawatan :

**Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Negeri Selangor**

LAMPIRAN A

SENARAI SEMAK (BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA)

Sila Tandakan (✓) bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan

BIL	PERKARA / DOKUMEN	UNTUK DI TANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DI TANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan / Perkhidmatan) (Dokumen Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan / Perkhidmatan) (Jika Berkenaan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan / Perkhidmatan) (Jika Berkenaan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) (Bekalan / Perkhidmatan) (Dokumen Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Dari CIDB (SPKK) (Kerja) (Dokumen Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Dari Pusat Khidmat Kontraktor (STB) (Kerja) (Dokumen Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB (PPK) (Kerja) (Dokumen Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)/ Borang 9/ Borang 13 (Dokumen Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani (Dokumen Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Borang Maklumat Penyebut Harga (Dokumen Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	Pematuhan Kepada Spesifikasi (Dokumen Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12.	Penyerahan Brosur, Katalog dan Profil Syarikat (Jika Berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Dokumen Meja Terkawal

Dokumen Sebut Harga JPVSEL
No. Sebut Harga: JPVSEL/SH/09/2024

BIL	PERKARA / DOKUMEN	UNTUK DI TANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DI TANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
13.	Senarai Kakitangan Teknikal (Jika Berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi 3 Bulan Terakhir (Julai, Jun, Mei 2023) yang diakui sah oleh pihak Bank/ Institusi Kewangan (Dokumen Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
15.	Senarai Pengalaman Kerja dan senarai Kerja Semasa (samada di JPVSEL atau di Agensi lain) (Dokumen Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
16.	Salinan Resit Pembelian Dokumen (Dokumen Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : No. telefon :</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (<i>jika ada</i>)</p> <p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :</p> <p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :</p>

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. KELAYAKAN PENYEBUT HARGA

Penyebut Harga hendaklah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan mempunyai:

- i. Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dalam **Gred G1, Kategori CE**, Pengkhususan:
 - a. **CE01** – Kerja-kerja Pembinaan Jalan dan Pavmen; DAN
 - b. **CE21** – Pembinaan Kejuruteraan
- ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
- iii. Sijil Taraf Bumiputera (STB)
- iv. Terbuka kepada Syarikat yang berdaftar di **Daerah Sabak Bernam** sahaja.
- v. Mempunyai Sijil Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- vi. Syarikat hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

2. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

3. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

3.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga;
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga;
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan;
- (d) Jadual Kadar Harga (jika ada), dan
- (e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

3.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **JPVSEL/SH/08/2024**

serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Tingkat 1, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor pada tarikh dan masa yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga.

- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos supaya tiba sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

3.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

3. TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **Lapan (8)** minggu dari tarikh penerimaan Inden Kerja.

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga **RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ringgit Sahaja)**.

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebutharga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

7. IKLAN DAN PUBLISITI

Tiada maklumat berkenaan sebut harga boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.

8. PELAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

8.1 Cukai Jualan ke atas bahan-bahan pembinaan termaktub dalam harga bahan binaan dan tidak dikenakan secara berasingan.

8.2 Perolehan kerja pembinaan tidak dikenakan Cukai Perkhidmatan.

9. SURAT AKUAN PEMBIDA

Penyebut harga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida seperti di **Lampiran I** semasa menghantar dokumen sebut harga. Sila lampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida.

10. TAWARAN ALTERNATIF

Penyebut harga hanya boleh memberi satu (1) tawaran sahaja untuk tiap-tiap satu "*item*" (Tawaran pilihan alternatif tidak akan dipertimbangkan).

11. NOTIS

Sebarang notis kepada Penyebut harga akan dihantar dengan tangan atau diposkan berdasarkan alamat yang diberikan di dalam dokumen sebut harga.

12. PINDAAN / TAMBAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA

Penyebut harga tidak dibenarkan membuat apa-apa perubahan atau tambahan kepada borang sebut harga atau mana-mana bahagian dalam dokumen sebut harga.

13. SURAT MENYURAT DARI PENYEBUT HARGA YANG TIDAK BERJAYA

Jabatan tidak akan melayan sebarang surat menyurat dari Penyebut harga mengenai sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.

14. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

14.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

14.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah

merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

- 14.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Penyebut Harga atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
- 14.4 Mana-mana Syarikat atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

15. HARGA INDIKATIF JABATAN

- (a) Harga Indikatif Jabatan bagi sebut harga ini adalah Ringgit Malaysia: Satu Ratus Enam Puluh Lapan Ribu dan Lima Puluh Lima Sahaja (RM168,055.00).
- (b) Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- (c) Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja/bekalan/perkhidmatan dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA (LAWAT TAPAK)

Kontraktor dinasihatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan. Proses Pemeriksaan Tapak Bina (Lawat Tapak) bagi Kontraktor yang menyertai sebut harga adalah diwajibkan.

2. BON PELAKSANAAN / INSURANS

2.1 Bon Pelaksanaan hendaklah dikenakan bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang bernilai melebihi RM200,000.00 mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Bagi perolehan yang bernilai sehingga RM200,000.00 Bon Pelaksanaan adalah dikecualikan. Sekiranya kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan bagi kontrak kerja, kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) hendaklah diguna pakai seperti mana ditetapkan dalam peraturan mengenai tatacara pengurusan tender yang berkuat kuasa.

2.2 **Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan Negeri Selangor dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.**

2.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah Fasal 9 (d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

3.1. Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebutharga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

*3.2. Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di Perenggan 3.1. di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan

dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

- i. Suruhanjaya Tenaga
- ii. Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- iii. Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- iv. Jabatan Bomba dan Penyelamat
- v. Pihak Berkuasa Tempatan

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

- 6.1. Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang atau mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam Spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja- kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2. Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3. Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUTHARGA

- 7.1. Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.

- 7.2. Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj- caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3. Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4. Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahnannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 7.5. Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4. tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUTHARGA

- 8.1. Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2. Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden tidak dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11. KERJA PERUBAHAN

- 11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan Sebutharga ini.
- 11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan Kontraktor hendaklah digunakan.

12. GANTIRUGI TERTENTU DAN DITETAPKAN/ LIQUIDATED ASCERTAINED DAMAGES (LAD)

Kontraktor akan dikenakan gantirugi jika kontraktor gagal memenuhi obligasi kontrak seperti gagal menyiapkan kerja sebutharga dalam tempoh siap asal atau tempoh lanjutan masa yang diberikan tanpa sebab-sebab munasabah sehingga kerja disiapkan dengan menggunakan formula berikut:

Peratusan LAD = (*Base Lending Rate* (BLR) setahun) / 365 hari

Kadar LAD sehari = ((*Base Lending Rate* (BLR)) / 365 hari) x Nilai Kontrak

13. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

- 13.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik di mana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 13.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor Sendiri.
- 13.3 Sekiranya Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos memperbaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada Kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantung pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrik/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

14. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal.

15. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

16. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

- 16.1. Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja Kontraktor telah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16.2. Sekiranya Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak merampas Bon Perlaksanaan dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

17. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan Syarat-syarat ini.

LAMPIRAN B

BORANG SEBUT HARGA

Sebut Harga Bil: JPVSEL/SH/09/2024

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor,
Lot 28, Jalan Utas 15/7,
40200 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

YBrs. Dr.,

SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMBINA PAGAR PERIMETER, JALAN LADANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) BETING KEPAH, DAERAH SABAK BERNAM, TAHUN 2024

Dibawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-Syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja/Bekalan/Perkhidmatan dan Pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja/bekalan/perkhidmatan tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak _____ Ringgit Malaysia:

(RM.....)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja/bekalan/perkhidmatan ini dalam masa minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden/Inden Kerja.

Bertarikh pada haribulan 2024.

.....
(Tandatangan Kontraktor)
Nama :
No. K/P :
Alamat :

.....
(Tandatangan Saksi)
Nama :
No K/P :
Alamat :

.....
Jawatan :

.....
Meterai atau Cop Kontraktor

LAMPIRAN C

JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL DAN RINGKASAN SEBUT HARGA (KUANTITI)

Sebut Harga Bil: JPVSEL/SH/09/2024

SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMBINA PAGAR PERIMETER, JALAN LADANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) BETING KEPAH, DAERAH SABAK BERNAM, TAHUN 2024

Bil.	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar Harga (Rm)	Jumlah (Rm)
1.0	KERJA PERMULAAN DAN PENGAKHIRAN				
1.1	Insuran Perlindungan Pekerja Dan Tanggungan Awam	Pukal	Pukal		
1.2	Penyediaan sebarang jentera, peralatan dan tenaga buruh bagi keperluan melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja	Pukal	Pukal		
1.3	Foto-foto kemajuan sebelum, semasa dan selepas siap kerja dalam bentuk <i>soft-copy</i> dan <i>hard copy</i>	Set	3		
2.0	KERJA PENANDAAN SEMPADAN PLOT				
2.1	Kerja-kerja membekal tiang batu bersaiz 100mm (P) X 100mm (L) X 1200mm (T) dan dicat warna merah dibahagian atas bersaiz 100mm (P) X 100mm (L) X 300mm (T) serta kerja-kerja berkaitan	Unit (<i>pcs</i>)	16		
2.2	Kerja-kerja penandaan dan memasang tiang batu di dalam lubang tanah dan dikonkrit berukuran 300mm (P) X 300mm (L) X 300mm (T) serta kerja-kerja berkaitan	Unit (<i>pcs</i>)	16		
3.0	KERJA MEMBINA PAGAR PERIMETER				
3.1	Kerja-kerja membekal dan menghantar pagar <i>chain link</i> jenis <i>pvc coated</i> (saiz berlian 76mm X 76mm) berukuran 1.8m (T) X 1300.0m (P), ketebalan 4.8mm dengan serta kerja-kerja berkaitan	MR	1300		
3.2	Kerja-kerja membekal dan menghantar tiang besi pagar hijau bersaiz 38mm X 38mm, ketebalan 3mm dengan ketinggian 2150mm serta kerja-kerja berkaitan	Unit (<i>pcs</i>)	450		

Bil.	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar Harga (Rm)	Jumlah (Rm)
3.3	Kerja-kerja memasang tiang besi pagar hijau di lubang tanah dan dikongkrit berukuran 300mm (P) X 300mm (L) X 300mm (T) pada jarak 3000mm setiap satu serta kerja-kerja berkaitan	Unit (pcs)	450		
3.4	Kerja-kerja memasang pagar <i>chain link</i> berukuran 1.8m (T) X 1300.0m (P) pada tiang besi pagar hijau dengan kemas dawai penegang berketebalan 4.8mm serta kerja-kerja berkaitan	MR	1300		
4.0	KERJA MEMBINA BEAM KONKRIT DI BAHAGIAN BAWAH PAGAR				
4.1	Kerja-kerja membekal dan menghantar bahan binaan seperti berikut: i- Simen 25kg ii- Pasir iii- Batu Kuari ¾ iv- Besi y10 v- Kayu saiz 25mm X 50mm, Panjang 2,400mm' vi- Plywood saiz 1,200mm (P) X 2,400mm (L), berketebalan 8mm	Unit (pcs) M/T M/T Btg Btg Unit (pcs)	120 21 21 55 50 10		
4.2	Kerja-kerja membuat beam konkrit berukuran 0.15m (L) X 0.15m (T) sepanjang 1300m di bahagian bawah pagar diperkukuh dengan tetulang besi y10 pada pagar chain link serta kerja-kerja berkaitan	MR	1300		
5.0	KERJA MEMBINA PINTU PAGAR UTAMA				
5.1	Kerja-kerja membekal dan memasang tiang besi pintu pagar utama dari besi GI berketebalan 1.5mm, bersaiz 2400mm (T) X 75mm (L) ditanam di lubang tanah dan dikongkrit berukuran 450mm (P) X 450mm (L) X 600mm (T) serta kerja-kerja berkaitan	Unit (pcs)	4		

Bil.	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar Harga (Rm)	Jumlah (Rm)
	5.2 Kerja-kerja membekal dan memasang pintu pagar utama 2 daun jenis <i>chain link</i> berserta rangka tetulang besi tengah bersilang dengan cat tahan karat pada rangka tetulang besi berukuran 4800mm (L) X 1900mm (T) dan kerja-kerja berkaitan	Unit (pcs)	2		
6.0	KERJA MEMBINA JALAN LADANG				
	6.1 Kerja-kerja menolak dan meratakan tanah sediaada bagi membina asas jalan berketebalan 300mm berukuran 6.0m (L) X 200.0m (P) mengikut arahan pegawai penguasa dan kerja-kerja berkaitan	Pukal	Pukal		
	6.2 Kerja-kerja membekal dan menghantar batuan <i>crusher run</i> bagi meninggikan tapak jalan dengan ketebalan 150mm berukuran 4.5.0m (L) X 200.0m (P) dan kerja-kerja berkaitan	M/T	243		
	6.3 Kerja-kerja meratakan batuan <i>crusher run</i> berketebalan 150mm serta kerja-kerja memadat, memampat dan dikedap atas permukaan batuan <i>crusher run</i> dan diratakan dengan pasir berukuran 4.5.0m (L) X 200.0m (P) mengikut arahan pegawai penguasa dan kerja-kerja berkaitan	Pukal	Pukal		
7.0	KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PAPAN TANDA				
	7.1 Kerja-kerja membekal dan memasang papan tanda utama: tulisan "JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR, TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) BETING KEPAH" berserta jata Negeri Selangor dan logo Jabatan Perkhidmatan Veterinar di bahagian atas, bentuk papan permukaan berukuran 4 kaki tinggi dan 12 kaki panjang dengan wording stiker bukan pantulan serta mempunyai 2 tiang dengan ketinggian 8.5 kaki dari aras tanah/tapak berkonkrit, saiz besi (tiang berdiameter 2.5 inc, ketebalan 2.3 mm galvanised), aluminium composit panel	Unit (pcs)	1		

Bil.	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar Harga (Rm)	Jumlah (Rm)
	ketebalan 4 mm, stiker inkjet, stiker solid, "U" dan kerja-kerja berkaitan				
8.0	KERJA PEMBERSIHAN				
8.1	Membersih kawasan tapak bina dan mengangkut sisa buangan ke tempat yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan serta kerja-kerja berkaitan	Pukal	Pukal		
JUMLAH HARGA KESELURUHAN					

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk kerja/bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Tandatangan Penyebut Harga :
 Nama :
 No. Kad Pengenalan :
 Alamat Syarikat :
 No. Telefon :
 Cop Syarikat :
 Tarikh :

LAMPIRAN D

RINGKASAN SEBUT HARGA (PUKAL)

Sebut Harga Bil: JPVSEL/SH/09/2024

SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMBINA PAGAR PERIMETER, JALAN LADANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) BETING KEPAH, DAERAH SABAK BERNAM, TAHUN 2024

BIL	HURAIAN KERJA	JUMLAH (RM)
1.	KERJA PERMULAAN DAN PENGAKHIRAN	
2.	KERJA PENANDAAN SEMPADAN PLOT	
3.	KERJA MEMBINA PAGAR PERIMETER	
4.	KERJA MEMBINA BEAM KONKRIT DI BAHAGIAN BAWAH PAGAR	
5.	KERJA MEMBINA PINTU PAGAR UTAMA	
6.	KERJA MEMBINA JALAN LADANG	
7.	KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PAPAN TANDA	
8.	KERJA PEMBERSIHAN	
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		RM
		Ringgit Malaysia (perkataan):

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk kerja/bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Tandatangan Penyebut Harga :
 Nama :
 No. Kad Pengenalan :
 Alamat Syarikat :
 No. Telefon :
 Cop Syarikat :
 Tarikh :

LAMPIRAN E

MAKLUMAT LATAR BELAKANG SYARIKAT

Sebut Harga Bil: JPVSEL/SH/09/2024

A. MAKLUMAT AM

Bil	Perkara		Butiran
1.	Nama Syarikat	:	_____
2.	Alamat Syarikat	:	_____
3.	No. Telefon	:	_____
4.	No. Faks	:	_____
5.	Alamat Emel	:	_____
6.	Jenis Perniagaan	:	Persendirian / Perkongsian / Koperasi / Sdn Bhd (*)
7.	Pendaftaran Syarikat SSM	:	
	i) No Pendaftaran	:	_____
	ii) Tempoh Sah Laku	:	Dari _____ Hingga _____
8.	**No. Pendaftaran Cukai Jualan & Cukai Perkhidmatan (CJCP) dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)	:	_____
			(Jika berdaftar JKDM dan sertakan salinan pendaftaran)
9.	Tarikh Syarikat Ditubuhkan	:	_____
10.	Status Syarikat	:	Syarikat Tempatan / Syarikat Asing (*)
11.	Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (MOF)	:	
	i) No Pendaftaran	:	_____
	ii) Tempoh Sah Laku	:	Dari _____ Hingga _____
	iii) Senarai Kod Bidang	:	_____
12.	Taraf Syarikat (Sila Sertakan Sijil)	:	Bumiputera / Bukan Bumiputera (*)
	i) No Pendaftaran	:	_____
	ii) Tempoh Sah Laku	:	Dari _____ Hingga _____

B. MAKLUMAT PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI UNTUK URUSAN SEBUT HARGA

Bil	Perkara		Butiran
1.	Nama	:	_____
2.	Jawatan	:	_____
3.	No. Telefon Pejabat	:	_____
4.	No. Telefon Bimbit	:	_____
5.	No. Faks	:	_____
6.	Alamat Emel	:	_____

C. BUTIR-BUTIR PEMILIKAN

1. PERSEORANGAN

NAMA PEMILIK	NO. KAD PENGENALAN

2. PERKONGSIAN

NAMA PEKONGSI	NO. KAD PENGENALAN	PERATUS PERKONGSIAN (%)

3. SENDIRIAN BERHAD / BERHAD

(i) Ahli-ahli Lembaga Pengarah

NAMA	NO. KAD PENGENALAN	JAWATAN	JUMLAH SAHAM (RM)	SAHAM MODAL DIPEGANG (%)

(ii) Peratusan Pemilikan Saham Syarikat

BIL	TARAF	PERATUS (%)
1.	Bumiputera	
2.	Bukan Bumiputera	
3.	Modal Asing Nama Negara: _____ (Sila nyatakan nama Negara)	

- Sila buat lampiran sekiranya helaian ini tidak mencukupi.

LAMPIRAN F

BORANG DATA-DATA KEWANGAN

Sebut Harga Bil: JPVSEL/SH/15/2024

NOTA:

- i. Bagi penyebut harga yang tidak mempunyai maklumat Aset dan Liabiliti, sila nyatakan "TIADA" pada borang ini.
- ii. Bagi penyebut harga yang tidak mempunyai Kemudahan Kredit, sila nyatakan "TIADA" pada borang ini.
- iii. Borang ini boleh disalinkan untuk bank/institusi kewangan yang berbeza.
- iv. Sila sertakan salinan Penyata Bulanan Bank sebenar bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga dan hendaklah **DIAKUI SAH** oleh pegawai bank berkenaan. Dokumen sebut harga yang tidak disertakan dengan penyata ini akan ditolak.

- A. Ringkasan Harta dan Liabiliti** seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran imbangan (Balance Sheet) * yang diaudit bagi tahun kewangan terakhir.

Aset* (A)	Liabiliti* (B)	Nilai Kewangan (Worth) (A-B)
Semasa: RM	Semasa: RM	Modal Pusingan : RM
Tetap: RM	Tetap: RM	Modal Tetap: RM
Jumlah : RM	Jumlah : RM	'Net Worth' RM

- B. Akaun Wang ditangan (Cash in Hand) ****

1. Nama Bank :
2. Alamat Bank :
- (Di mana akaun dibuka)
3. Nombor Akaun :

Baki Bulanan*		
Julai / 2024	Jun / 2024	Mei / 2024
RM	RM	RM

C. Kemudahan Kredit (jika ada) yang boleh digunakan untuk pelaksanaan bekalan/perkhidmatan/kerja (sekiranya pembida mempunyai Kemudahan kredit dengan Bank/Institusi Kewangan)

1. Nama Bank :
2. Alamat Bank :
- (Di mana akaun dibuka)
-
3. Nombor Akaun :

Bentuk Kemudahan Kredit	Baki Kemudahan Kredit Yang Boleh Digunakan
i. Overdraft	RM
ii. Overdraft Bercagar	RM
iii. Talian Kredit (<i>Business Line Credit</i>) (Talian Kredit Yang Tidak Terikat Dengan Mana-Mana Projek)	RM
iv. Kad Kredit (Untuk ROB Perseorangan Sahaja)	RM
	RM
Jumlah	RM

Pengesahan Penyebut Harga :

- Tandatangan Penyebut Harga : _____
- Nama : _____
- No. Kad Pengenalan : _____
- Alamat Syarikat : _____
- No. Telefon : _____
- Cop Syarikat : _____
- Tarikh : _____

LAMPIRAN G

SENARAI KERJA-KERJA YANG SEDANG DILAKSANAKAN

Sebut Harga Bil: JPVSEL/SH/09/2024

- Maklumat perlu diisi dengan lengkap.
- Lampiran hanya dibenarkan apabila ruangan tidak mencukupi sahaja).
- Nyatakan "TIADA" sekiranya tiada kerja yang sedang dilaksanakan.
- Sila sertakan salinan Surat Setuju Terima (SST) / Inden Kerja untuk kerja yang disenaraikan.

Bil	Nama Projek dan Skop Kerja	Jabatan/ Agensi	Nilai Kontrak	Tempoh Kerja	Peratusan Kemajuan Semasa

LAMPIRAN H

SENARAI KERJA-KERJA YANG TELAH DILAKSANAKAN

Sebut Harga Bil: JPVSEL/SH/09/2024

- Maklumat perlu diisi dengan lengkap.
- Lampiran hanya dibenarkan apabila ruangan tidak mencukupi sahaja).
- Nyatakan "TIADA" sekiranya tiada kerja yang telah dilaksanakan.
- Sila sertakan salinan Surat Setuju Terima (SST) / Inden Kerja untuk kerja yang disenaraikan.

Bil	Nama Projek dan Skop Kerja	Jabatan/ Agensi	Nilai Kontrak	Tempoh Kerja	Tarikh Siap Sebenar

LAMPIRAN I

SURAT AKUAN PEMBIDA

Sebut Harga Bil: JPVSEL/SH/09/2024

Bagi

SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMBINA PAGAR PERIMETER, JALAN LADANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) BETING KEPAH, DAERAH SABAK BERNAM, TAHUN 2024

Saya, (Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan Yang mewakili (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi/Jabatan atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan diatas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa—

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini.

Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) 19 akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No. KP :
Tarikh :
Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

LAMPIRAN J

SURAT PERWAKILAN KUASA
(WAJIB disertakan oleh penyebutharga)

Sebut Harga Bil: JPVSEL/SH/09/2024

_____ Kepala Surat Syarikat _____

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor,
Lot 28, Jalan Utas 15/7,
40200 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh :

YBrs. Dr.,

PERWAKILAN KUASA MENANDATANGANI BAGI PIHAK SYARIKAT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya,..... no I/C;..... selaku pemilik syarikat akan menandatangani sendiri semua dokumen berkaitan dengan urusan perolehan bagi **SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMBINA PAGAR PERIMETER, JALAN LADANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) BETING KEPAH, DAERAH SABAK BERNAM, TAHUN 2024** atau mewakilkan kuasa untuk menandatangani bagi pihak syarikat untuk urusan perolehan tersebut iaitu:

Nama :
Alamat :
Jawatan :
No. I/C :
No Telefon :
No Faks :
Emel :

3. Sehubungan itu, dikemukakan untuk makluman/rujukan pihak tuan selanjutnya. Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak tuan sekiranya terdapat perubahan penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

.....
(TANDATANGAN PENGARAH SYARIKAT)

Nama:

Jawatan:

Cop Syarikat: